# 500 ahli silat gayong di-hari pembukaan

Oleh MA'AROF MOHD NOH

23 JUL 1971

KUALA LUMPUR, Khamis.

**SA-RAMAI 500 orang ahli2 Persatuan Silat Gayong Malaysia akan mengambil bahagian dalam perbarisan di-hari perasmian temasha Sukan Asia Tenggara Keenam pada 11 hingga 18 Disember depan di-Stadium Merdeka, mulai jam 4.00 petang.**

Mereka menggantikan ahli2 Pelopor Negara dan murid2 sekolah yang tidak dapat mengambil bahagian dalam bahagian pertunjokan fisik pada hari itu.

Demikian Mejor Jeneral Othman Ibrahim, Pengerusi Jawatankuasa Perayaan Sukan SAT memberitahu meshuarat jawatankuasa penganjor di-Stadium Negara, hari ini.

Meshuarat yang di-pengerusikan oleh Menteri Belia dan Sukan Dato' Hamzah Abu Samah, telah meluluskan chadangan tersebut.

## Meshuarat

Dalam meshuarat yang mengambil masa sa-lama empat jam itu, perkara sambutan penonton2 olahraga paling lama di-binchangkan. Ini kerana sambutan orang ramai terhadap sukan tersebut paling kurang.

Oleh hal yang demikian, untok menarek lebeh ramai penonton2 menyaksikan pertandingan itu nanti, jawatankuasa memutuskan tidak akan di-kenakan sa-barang bayaran kapada penonton2.

Demikian juga, di-hari pembukaan rasmi kelak penonton2 tidak akan di-kenakan sa-barang bayaran.

Yang di-Pertuan Agong akan merasmikan temasha tersebut pada 11 Disember di-Stadium Merdeka.

Sementara itu, peraduan bolasepak di-beri penghormatan tinggi apabila pertandingan akhir-nya nanti akan di-adakan di-Stadium Merdeka di-hari penutup temasha sa-lama lapan hari itu.

## Tiket2

Tiket2 untok menyaksikan perlawanan bolasepak berharga $2.000 untok tempat bertutup dan $1.00 untok tempat terbuka bagi satu perlawanan.

Jika dua perlawanan berjalan serentak tiket2 berharga $3.00 untok tempat bertutup dan $1.00 tempat terbuka.

Tiket2 perlawanan akhir di-tetapkan berharga $5.00 di-tempat bertutup dan $2.00 di-tempat terbuka.

Sementara itu, dua orang jurutera dari Hungary akan mengawal "Papan markah" (scoreboard) di-Stadium Merdeka di-sepanjang2 temasha itu berlangsong.

Derma2 yang di-peroleh oleh jawatankuasa penganjor sa-hingga ini berjumlah $221,300, ia-itu dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar $100,000, Toto $100,000, Kerajaan Johor $10,000, Kerajaan Trengganu $1,000, Sharikat Manapal $100, Kerajaan Sarawak $5,000, Sharikat Guthrie $200 dan Malayan Banking $5,000.

Jawatankuasa juga telah menerima laporan2 persiapan yang di-buat oleh jawatankuasa kemudahan.

23 JUL 1971

Perdana Menteri Tun Abdul Razak yang juga Presiden Majlis Sukan Olimpik Malaysia di-chadangkan merasmikan pembukaan Kampong Sukan SAT di-Maktab Perguruan Ilmu Khas, Jalan Cheras, di-sini.

---

# RAKAN2 DARI JOHOR TAK DI-HIRAU

23 AUG 1971

KAMI uchapkan tahniah dan di-iringi dengan sekalong bunga atas kejayaan saudara Basri Alang selaku Guru Silat dan Pengelola "Malam Pesta" yang telah di-adakan di-pondok Pekerbung Kerana pada malam 17 Julai yang lalu.

Kami masharakat Bawean yang berada di-Singapura sangat2 gembira dan berbesar hati atas anjoran beliau itu untok memperkenalkan lebeh dekat lagi kesenian kita orang2 Melayu kapada saudara2 kita bangsa bukan Melayu, dan bertambah meriah-nya malam itu dengan ada-nya saudara Ghazali Ismail, dan beliau pula telah di-anugerahi dengan pangkat Panglima Terkehormat.

Tetapi kami terasa malu juga kapada rakan2 kami yang datang dari Johor Bharu mereka bersungut sesama sendiri.

Mereka juga membayar kad $2 di-pintu masok, tetapi tak dapat dudok sepanjang pertunjokan malam itu.

Sudah-lah tak dapat dudok apa kala habis sahaja pertunjokan itu mereka itu tak dapat layanan untok mempelawa mereka itu makan atau minum yang telah di-sediakan.

Bertambah hampa hati kami pada malam itu ia-lah tentang sajian makanan yang telah di-sajikan itu.

Setahu kami malam itu akan di-hidangkan dengan nasi beryani, atau nasi minyak.

Akhir-nya bagi kemushkilan kami ia-lah kami tak nampak sa-orang pun pendekar2 yang telah tersiar gambar-nya dalam akhbar Berita Mingguan sebelum dari itu.

Kemana-kah pendekar2 yang kami tunggu itu saperti Mawar Ifi, Mahfok Ifi, Rahim, dan lain2 lagi?

Kechewa-nya kami pada malam itu dengan tak ada-nya mereka itu mempersembahkan permainan mereka.

GURU TUA
Singapura.